

02 MAR 1997

Mayat-terbang

MAYAT MANGSA NAHAS PESAWAT TERHEMPAS DITERBANG MALAM INI

LANGKAWI, 2 Mac (Bernama) -- Ketiga-tiga mayat mangsa nahas pesawat Cessna milik MOFAZ Air yang terhempas di satu kawasan belukar berpaya di Kampung Bakau, Kelibang dekat Kuah petang tadi akan diterbangkan ke kampung masing-masing malam ini.

Jurucakap Polis berkata, mayat juruterbang Kapten Nik Alfian Nik Abdul Ghani, 26, yang dituntut oleh isterinya, Mariati Che Shaari di Hospital Daerah Langkawi, akan diterbangkan ke kampungnya di Kota Baharu kira-kira 11.00 malam ini dengan pesawat Senecca milik Mofaz Air.

Mayat dua jurukamera Filem Negara, Abdul Razak Md. Noor, 43, dari Kampung Baru, Kuala Lumpur dan Ishak Latif, 32, dari Johor sedang diusahakan untuk diterbangkan ke Kuala Lumpur malam ini sebelum dibawa ke kampung masing-masing.

Kedua-dua mayat itu dituntut oleh kakitangan Filem Negara yang datang bersama dalam penggambaran lumba basikal Le Tour de Langkawi di sini.

Kesemua mayat itu dikhafan dan disembahyangkan di Hospital Daerah Langkawi di sini malam ini.

Nahas itu berlaku kira-kira pukul 3.45 petang tadi apabila pesawat yang mereka naiki terjunam dalam paya semasa membuat penggambaran peringkat terakhir Le Tour de Langkawi yang dilepaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sementara itu, Mariati, 23, yang dalam kesedihan menunggu dengan sabar di hospital untuk membawa pulang mayat suaminya.

Beliau berkata beliau tidak menjangka bahawa ia adalah kali terakhir beliau menghantar suaminya ke lapangan terbang untuk penerbangan itu.

"Saya sungguh tidak menjangka akan berakhir di sini, kebiasaannya sayalah menghantar beliau apabila ada penerbangan," katanya yang baru lima bulan mendirikan rumah tangga.

Mariati yang bekerja sebagai kerani sebuah syarikat kereta di sini mendapat tahu mengenai nahas itu daripada rakannya kira-kira 5.20 petang dan terus ke hospital.

Sementara itu anggota krew Filem Negara berkata, tiada sebarang perubahan berlaku pada kedua-dua rakan mereka yang terbunuh itu sejak penggambaran jelajah itu dibuat di Kota Kinabalu, Sabah.-- BERNAMA

ZI OBA